

**D.R. 49/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) (No. 2) 1997. Tajuk ringkas.

2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "anggota" takrif yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 533.

' "badan" ertinya pertubuhan perbadanan;'

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut: Seksyen baru 10A.

"Lembaga 10A. (1) Walau apa pun seksyen 10, Lembaga boleh bertindak sebagai ejen pemungutan. boleh bertindak sebagai ejen pemungutan. dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Bagi maksud seksyen ini Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan dan membuat peraturan berhubung dengan pemungutan bayaran balik itu."

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dengan memasukkan seksyen baru 10A. Di bawah pindaan yang dicadangkan dalam subseksyen 10A(1) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia boleh bertindak sebagai ejen pemungutan bayaran balik pinjaman. Subseksyen 10A(2) bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan berkenaan dengan cara pemungutan itu akan dijalankan.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 2044.]